



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

KPKK(R)600-4/1 Jld. 2(1)

15 Julai 2019

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz Bin Haji Osman
Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Menara Kerja Raya (Blok G)
Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR

YBhg. Dato',

ARAHAN KESELAMATAN BERKAITAN PEMBINAAN DAN PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) telah mengeluarkan Arahan Keselamatan (Semakan Dan Pindaan 2017) yang meminta agar peraturan-peraturan Keselamatan Perlindungan hendaklah dilaksanakan oleh semua kementerian, jabatan, badan berkanun, kerajaan tempatan, agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri serta mana-mana orang; tribunal, badan, institusi atau pihak berkuasa yang diisytiharkan sebagai perkhidmatan awam.

3. Di antara arahan dan peraturan yang mesti dilaksanakan adalah pembinaan dan pengubahsuaian bangunan-bangunan bagi jabatan/agensi kerajaan hendaklah mengutamakan aspek Keselamatan Perlindungan yang bermutu, kondusif dan selamat dengan memasukkan ciri-ciri Keselamatan Fizikal semasa peringkat cadangan rekabentuk pembinaan bangunan tersebut. Ini juga selaras dengan kehendak Perenggan 42 Arahan Keselamatan tersebut yang menjelaskan bahawa:-

"Semua cadangan termasuk reka bentuk pembinaan, pengubahsuaian, penyewaan, pembelian bangunan, penempatan dan pemindahan pejabat-pejabat Kerajaan di bangunan Kerajaan dan swasta di dalam dan luar negeri hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan"

4. Justeru itu, jasa baik pihak YBhg. Dato' adalah dipohon untuk memastikan Jabatan Kerja Raya (JKR) merujuk ke pejabat ini bagi semua perancangan, pembangunan dan pembinaan bangunan kerajaan di peringkat persekutuan, negeri

...2/-

'KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA'



CERTIFICATE NO : KLR 0504062

dan agensi-agensi kerajaan seperti yang dinyatakan di **para 2** agar pejabat ini dapat membuat penilaian dan memberikan khidmat nasihat Keselamatan Perlindungan bagi memastikan aspek kawalan keselamatan dan Sistem Keselamatan Fizikal Bersepadu seperti *Closed Circuit Television (CCTV)*, *Perimeter Intrusion Detection System (PIDS)*, *Visitor Management System (VMS)* dan *Card Access Management System (CAMS)* memenuhi kehendak Keselamatan Perlindungan sepenuhnya.

5. Pejabat ini juga amat mengalu-alukan sekiranya pihak YBhg. Dato' ingin mengadakan perbincangan dengan pejabat ini dalam usaha memastikan arahan ini dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sebarang maklumat lanjut YBhg. Dato' bolehlah menghubungi Encik Mazlan Bin Md. Noor di talian 03-8872 6040 atau 019-6217211.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato' berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KERAHSIAAN TERPELIHARA MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA"



(DCP DATO' SANUSI BIN SIDEK)